

Pandangan lama perlu dikikis demi kemajuan

Oleh RAHIME YUSOF



■ SIKAP TERPUJI... semangat setiakawan di luar gelanggang menjadi teras pengamalan silat dan bukan bagi menentukan siapa jaguh

KEJAYAAN seni silat memecah benteng adat dengan memperkenalkan sukan silat olahraga menyelamatkan silat daripada menghadapi zaman mendung pada awal 1980-an.

Keghairahan itu tercetus kembali bukan setakat di negara kita, malah kegilaan itu menular ke Eropah selepas silat menjadi sukan bertaraf antarabangsa. **8. Harian (M)**

Bagaimanapun kita megah apabila mendengar kisah Hang Tuah menumpaskan pendekar-pendekar handal Majapahit. Sedangkan Malaysia tertinggal di belakang Indonesia selepas empat Kejuaraan Silat Sedunia.

Mengapa sejarah lama tidak berulang di bidang silat olahraga? Mampukah Malaysia mengatasi keunggulan Indonesia atau akan terus tertinggal kepada beberapa negara Eropah selepas ini. — 7 FEB 1990

Bukan senang meraih emas. Begitulah keluh pesilat kebangsaan, malah ada yang berpantun... 'Puas sudah menanam ubi, nenas juga diminta orang, puas sudah menabur budi, emas juga diminta orang'.

Bagaimanapun, tugas membawa kejayaan bukan sekadar terpikul di bahu pesilat, jurulatih dan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang menjadi badan induk ke arah pembangunan silat olahraga.

Ia kini seharusnya menjadi tanggungjawab bersama semua perguruan besar mahupun kecil di seluruh negara ini. Pesilat berwibawa perlu dibentuk untuk diketengahkan ke peringkat negeri dan kebangsaan.

Yang penting sekarang, setiap perguruan perlu mengikis sikap terlalu mengagung-agung perguruan atau memperkecil perguruan lain. Jika hakikat ini sukar dikikis, lambat-laun Malaysia akan terus ketinggalan dalam sukan yang memuncak ini.

Apabila silat dijadikan sukan, orang silat juga perlu berfikir secara sukan. Pada setiap sukan, satu-satunya adat yang diterima ialah kalah atau menang. Lupakan soal maruah perguruan. Di sini kita perlu merenung kisah silam kenapa Hang Jebat kecundang kepada Hang Tuah walaupun mereka seperguruan. Adakah maksudnya perguruan itu lemah?

Orang silat rata-rata dihormati. Namun, jika terus berfikiran kolot jangan melangkah ke gelanggang olahraga kerana ia ketat dengan peraturan dan penuh dengan kesakitan, darah, sendi terseliuh dan tulang patah.

Suasana

Lebih mengecewakan ialah sikap sesetengah pemimpin pertubuhan silat yang sering mewujudkan suasana panas di luar gelanggang. Ia tidak sepatutnya berlaku kerana silat seratus peratus milik bangsa Melayu beragama Islam. Malah, ajaran silat berteraskan ajaran Islam mengajar pengikutnya merendah diri, bermuafakat, bersabar dan tidak memperkecil-kecilkan orang lain.

Bidalan lama yang lahir di gelanggang silat 'kalah jadi abu, menang jadi arang' patut menjadi pegangan agar permusuhan di luar gelanggang tidak berulang seperti peristiwa memalukan pada Kejuaraan Kebangsaan di Port Dickson, dua tahun lalu.

Sebagai orang silat, sepatutnya seni itu di-